

Wujud pihak tidak suka kerajaan perang rasuah

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
pengarang@utusan.com.my

■ IPOH 5 MEI

WUJUD golongan yang didakwa berpendapat kerajaan Pakatan Harapan (PH) hari ini tidak seharusnya dikekalkan hanya kerana tegas memerangi amalan rasuah.

Perkara itu diluahkan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memberitahu, kumpulan itu berpandangan kerajaan semasa tidak sebaik kerajaan yang lalu kerana pentadbiran hari ini tidak membenarkan rasuah.

“Untuk itu mereka beranggapan kerajaan sekarang tidak seharusnya diteruskan dan kembali kepada kerajaan yang rasuah sebelum ini yang akan menguntungkan pelaku rasuah.

“Tetapi percayalah apabila pemimpin dan kerajaan pilihan rakyat mengamalkan rasuah maka kita akan jadi mangsa, kerana kita tidak akan dapat layanan yang sepatutnya daripada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Townhall Bersama Penjawat Awam Negeri Perak yang dihadiri lebih 1,500 penjawat awam negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar,



DR. MAHATHIR MOHAMAD menerima cenderamata berupa potret yang dihasilkan pelukis Orang Asli, Gasur Kana (kanan) dalam Majlis Townhall Bersama Penjawat Awam Negeri Perak di Ipoh, Perak, semalam. Turut hadir, Ahmad Faizal Azumu dan Setiausaha Kerajaan negeri, Zainal Azman Abu Seman. - BERNAMA

Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Dr. Mahathir berkata, pemimpin yang dipilih oleh rakyat perlu bersih daripada segala jenis rasuah kerana mereka menjadi contoh kepada pihak yang lain.

Menurut beliau, rakyat sudah melihat bagaimana jika pemimpin terlibat dengan rasuah maka ramai juga anggota kerajaan dan pentadbir yang juga terlibat dengan rasuah.

“Ya, bagi mereka mungkin kerana disebabkan rasuah

mereka lebih sempurna, mereka mendapat pendapatan yang lebih dan apabila kita cuba bersihkan negara daripada rasuah sudah tentu mereka tidak dapat wang rasuah yang biasa diterima oleh mereka.

“Ada juga di antara kita yang berpendapat bahawa lebih baik mempunyai pemerintah yang rasuah yang akan memberi bantuan kepada kita, beri wang kepada kita secara percuma walaupun haram,” katanya.

Sementara itu, Perdana Men-

teri berkata, adalah penting segala kekayaan dalam negara dikongsi semua tanpa mengira kaum, warna kulit dan agama.

Menurut beliau, perkongsian kekayaan itu mestilah adil kerana ini yang dituntut oleh masyarakat dan kerajaan mesti berlaku adil kepada semua pihak.

“Kalau kita berkongsi kekayaan dengan adil maka negara kita akan terus aman, kita tidak hadapi tekanan sana sini atau masalah rusuhan dan keganasan,” katanya.